

Headline	Eksport kayu Malaysia RM22.5 bilion		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	08 Sep 2020	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	140,000
Page No	13	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	378 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 8,014
Frequency	Daily	PR Value	RM 24,041



Eksport kayu Malaysia RM22.5 bilion

Perabot merupakan produk tertinggi bernilai RM9.14 bilion, diikuti papan lapis

JEMPOL

Malaysia mengeksport sebanyak RM22.5 bilion produk berasaskan kayu pada tahun lalu, kata Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Dr Mohd Khairuddin Aman Razali.

Menurutnya, daripada jumlah tersebut, produk perabot merupakan produk tertinggi yang bernilai RM9.14 bilion, diikuti produk papan lapis sebanyak RM3.40 bilion dan kayu gergaji sebanyak RM3.37 bilion.

"Kita berharap nilai eksport pada tahun ini akan meningkat sekurang-kurangnya sama seperti tahun lalu atau lebih lagi," katanya kepada pemberita sele-

pas melancarkan Program Perladangan Komuniti Negeri Sembilan di Batu Kikir di sini semalam.

Mengulas mengenai program berkenaan, Mohd Khairuddin berkata, ia bertujuan memperbanyakkan lagi bekalan kayu spesies hutan yang kian menyusut menerusi konsep perladangan, selain membantu meningkatkan pendapatan golongan B40.

"Program juga bertujuan memberi pengenalan berkaitan spesies-spesies pokok yang mengalami pertumbuhan cepat seperti Batai dan Eucalyptus (pokok kayu putih).

"Program ini dilaksanakan bagi memastikan kelestarian bahan mentah kayu terus mampan dan mengurangkan kebergantungan sumber daripada hutan asli.

"Ladang komuniti yang bakal diwujudkan ini akan memberi keuntungan kepada pelbagai pihak terutama golongan B40. Tanah-tanah terbiar meskipun dalam saiz kecil dapat



Mohd Khairuddin (tengah) mendengar penerangan mengenai batang pokok jenis Eucalyptus oleh Timbalan Pengarah (Penyelidikan) FRIM, Datuk Dr Marzalina Mansor (kanan) pada Program Perladangan Komuniti Negeri Sembilan di Batu Kikir, Jempol semalam.

dioptimumkan dan diberi nilai tambah apabila terhasilnya ladang komuniti ini," katanya.

Mohd Khairuddin berkata, jaminan belian balik dapat membantu dan meningkatkan pendapatan golongan B40 secara konsisten.

"Projek berkenaan melibatkan seramai 20 orang peserta.

"Sejak tahun 2016, Institut

Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dengan kerjasama Persatuan Pekilang Panel Malaysia (MPMA) dan Plus Inter-vest telah menjalankan pelbagai kajian untuk menentukan spesies hutan yang boleh diladangkan dan dituai dalam tempoh kurang enam tahun," katanya.

Beliau berkata, pokok Eucalyptus menghasilkan kayu

yang berat, kuat dan tahan lasak sekali gus menjadikannya sebagai sumber kayu paling bernilai di dunia serta membekalkan bahan mentah berkualiti tinggi untuk pulpa, kertas dan tenaga.

Menurutnya, perladangan Eucalyptus dijangka dapat memenuhi permintaan bahan mentah balak pada masa hadapan.

- Bernama